

**SEMBAH ALU-ALUAN YANG BERHORMAT DATO SERI SETIA  
AWANG HAJI ALI BIN APONG, MENTERI SUMBER-SUMBER  
UTAMA DAN PELANCONGAN SELAKU PENGERUSI BERSAMA  
JAWATANKUASA PANDU MAJLIS ILMU 2018**

**SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
YANG KE-72 TAHUN**

**HARI SELASA, 19 RABIULAWAL 1440 /  
27 NOVEMBER 2018**

**DEWAN PLENARY,  
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين  
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين  
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

رب اشرح لي صدري ويسر لي أمري واحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

Mengadap Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

### **Ampun Beribu-Ribu Ampun,**

1. Dengan segala hormat dan penuh takzimnya, hamba Kebawah Duli Tuan Patik selaku Pengerusi Bersama, dan bagi pihak Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Ilmu bagi tahun 2018, terlebih dahulu merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, dengan amat sukacita menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat bercemar duli ke Majlis pagi ini, dan di atas

perkenan Kebawah Duli Tuan Patik akan mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan Perasmian Majlis Ilmu 2018, serta berkenan berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2018, dan Pameran Balai Kenangan, sempena Puja Usia Kebawah Duli Tuan Patik Yang Ke-72 Tahun.

2. Komitmen padu yang berterusan untuk memartabatkan ilmu sebagai asas hala tuju pembangunan adalah antara mercu tanda kepimpinan Kebawah Duli Tuan Patik ke arah kesejahteraan Negara.

3. Rakyat dan penduduk di Negara ini terus diperkaya dengan ilmu pengetahuan demi kesinambungan bangsa yang berteraskan syi'ar Islam, budaya keBruneian Melayu, dan berpayung di bawah tampuk Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik.

4. Alhamdulillah, di bawah pemerintahan Kebawah Duli Tuan Patik, Negara sudah melihat pertumbuhan jumlah para ilmuan dan generasi cendekiawan serta menyaksikan penubuhan institusi-institusi pengajian tinggi dan penganjuran beberapa forum-forum antarabangsa sebagai landasan percambahan fikiran.

5. Atas dasar inilah juga abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik, mewakili Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kewangan dan

Ekonomi dan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian merasa berbesar hati mendapat kehormatan untuk mengungkapahkan Majlis Ilmu pada tahun ini, disamping memberikan pencerahan dalam bidang-bidang yang difokuskan, iaitu pertanian.

6. Abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik, juga dengan amat sukacita menyebarkan bahawa tema Majlis Ilmu 2018 ialah **“Sektor Pertanian: Survivabiliti Bangsa dan Negara”**.

### **Ampun Beribu-Ribu Ampun,**

7. Sektor pertanian di Negara ini telah menyaksikan kemajuan yang menggalakkan sepanjang tempoh 20 tahun ini. Keluaran sektor ini berkembang pada kadar purata 7.71 peratus setahun, iaitu daripada \$93 juta pada tahun 1998 kepada \$380 juta pada tahun 2017.

8. Pencapaian ini diterajui oleh peningkatan keluaran dari kedua-dua sektor utama, iaitu ternakan dan juga tanaman. Keluaran sektor ternakan dilihat telah berkembang pada kadar purata 6.03 peratus setahun, iaitu daripada \$66 juta pada tahun 1998 kepada \$200 juta pada tahun 2017. Manakala, keluaran sektor tanaman termasuk padi berkembang pada kadar purata 4.28 peratus setahun, iaitu daripada \$27 juta pada tahun 1998 kepada \$60 juta pada tahun 2017.

9. Bagi sektor perikanan, Negara juga menyaksikan kemajuan yang menggalakkan. Keluaran sektor ini berkembang pada kadar purata 5.15 peratus setahun sepanjang tempoh yang sama, iaitu daripada \$43 juta pada tahun 1998 kepada \$112 juta pada tahun 2017.

10. Selain itu, kita juga melihat perubahan dari segi lanskap perkembangan industri-industri dalam sektor ini, terutamanya peningkatan pesat industri akuakultur dan industri pemprosesan ikan.

11. Industri akuakultur, pada misalnya, telah menunjukkan perkembangan yang pesat. Industri ini berkembang pada kadar purata 16.89 peratus setahun, iaitu daripada \$2 juta pada tahun 1998 kepada \$17 juta pada tahun 2017. Manakala, industri pemprosesan ikan pula berkembang pada kadar purata 14.13 peratus setahun, iaitu daripada \$2 juta pada tahun 1998 kepada \$22 juta pada tahun 2017.

### **Ampun Beribu-Ribu Ampun,**

12. Selaras dengan titah–titah Kebawah Duli Tuan Patik kurniakan sebelum ini, yang menyentuh sektor Pertanian, titah–titah Kebawah Duli Tuan Patik itu adalah abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik junjung setinggi-tingginya, dan menjadikannya

sebagai pendorong dan panduan untuk abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik laksanakan dengan bersungguh-sungguh, demi memajukan lagi sektor ini sebagai sumber sekuriti makanan dan sebagai asas untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

13. Ke arah itu, hala tuju abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik bagi sektor ini ialah **ke arah pertumbuhan keluaran industri berasaskan pertanian dan agrimakanan melalui peningkatan produktiviti dan teknologi tinggi, bukan sahaja untuk memenuhi keperluan tempatan, malah untuk memacu perkembangan sektor hiliran dan nilai tambah tempatan, dan malah untuk menembusi pasaran eksport.**

14. Disembahkan juga bahawa Majlis Ilmu 2018 ini akan diisikan dengan sesi Ceramah Khas, sesi Forum Perdana, sesi Ceramah Perdana, sesi-sesi Seminar dan juga Pameran, yang mana pengisiannya adalah mendokong tema Majlis Ilmu pada tahun ini.

**Ampun Beribu-Ribu Ampun,**

15. Sebelum berundur diri, hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan seluruh Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Ilmu 2018, sekali lagi dengan sukacita menyembahkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, bercemar duli ke Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2018 pada pagi ini.

16. Demikian juga Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung kasih di atas keberangkatan:

**Paduka-Paduka Anaknda dan Paduka-Paduka Adinda  
Kebawah Duli Tuan Patik:**

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri;
2. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah;
3. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda `Abdul Malik;
4. Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah;
5. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda `Abdul Mateen;

6. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah;
7. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna;
8. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam;

17. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung perkenan Kebawah Duli Tuan Patik bagi Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan ucapan menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri;
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara;
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet;
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat;



- Tetamu-Tetamu Khas;
- Timbalan-Timbalan Menteri;
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat;
- Dhif-Dhif yang dihormati; dan
- Para hadirin dan hadirat yang berbahagia sekalian.

18. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Yang Berhormat Penceramah Khas dan kepada penceramah-penceramah undangan yang berkesudian untuk mengongsikan buah fikiran mereka, serta semua pihak-pihak yang bertugas dan yang terlibat secara sukarela dalam memberikan bantuan dan kerjasama yang ikhlas bagi menjayakan Majlis berkat ini.

19. Pada mengakhiri Sembah Alu-Aluan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik, dengan rendah diri menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung ampun sekiranya terdapat sorok langkah yang kurang manis dan sebarang kekurangan, sama ada ketika menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik pada acara Pembukaan Rasmi Majlis Ilmu ini, ataupun dalam acara menyaksikan pameran-pameran Majlis Ilmu Tahun 2018 ini nanti.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية  
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha.